

**Yayasan Bank Rakyat mempelawa semua warganegara yang berkelayakan untuk memohon biasiswa/pinjaman pendidikan boleh ubah (PPBU) bagi mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta dan Institut Latihan Awam/Swasta di dalam negeri SAHAJA.
Tempoh Permohonan - 1 April 2010 – 31 Julai 2010**

BIASISWA	PINJAMAN PENDIDIKAN BOLEH UBAH (PPBU)
<p>SYARAT DAN KELAYAKAN PEMOHON</p> <p>Melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) di dalam negeri secara sepenuh masa.</p> <p>1. Syarat dan kelayakan akademik</p> <p>a. Peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Perlu berkelulusan Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh Universiti berkenaan.</p> <p>b. Peringkat Ijazah Sarjana Sekurang-kurangnya berkelulusan: Ijazah Sarjana Muda Kelas Kedua Tinggi.</p> <p>c. Peringkat Ijazah Sarjana Muda Sekurang-kurangnya berkelulusan: Matrikulasi dengan CGPA 3.0 ke atas atau Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) dengan 4A atau Sijil Tinggi Agama (STAM) dengan kelulusan yang setara dengan STPM atau Diploma dengan CGPA 3.0 ke atas</p> <p>d. Peringkat Program Profesional Sekurang-kurangnya berkelulusan: Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA 3.0 ke atas atau Diploma dengan CGPA 3.0 ke atas atau Lulus di peringkat 1 program profesional berkenaan dengan kelulusan setaraf dengan CGPA 3.0.</p> <p>2. Bidang pengajian</p> <p>a. Ijazah Kedoktoran (Ph.D), Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda dalam semua bidang pengajian (diiktiraf oleh MQA).</p> <p>b. Program Profesional meliputi ACCA, CPA, CFP, CIMA, ICOSA, MICPA dan program-program lain seumpamanya yang diiktiraf oleh industri.</p> <p>3. Syarat am</p> <p>a. Umur tidak kurang dari 18 tahun semasa membuat permohonan biasiswa dan tidak melebihi 30 tahun semasa tamat pengajian (40 tahun bagi Ph.D sahaja).</p> <p>b. Pelajar tahun pertama pengajian.</p> <p>c. Seorang penjamin.</p>	<p>SYARAT DAN KELAYAKAN PEMOHON</p> <p>Melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) dan Institusi Latihan Awam/Swasta (ILA/ILS) di dalam negeri secara sepenuh masa.</p> <p>1. Syarat dan kelayakan akademik</p> <p>a. Peringkat Ijazah Sarjana Muda Sekurang-kurangnya berkelulusan: Diploma dengan CGPA 2.5 ke atas atau Matrikulasi dengan CGPA 2.5 ke atas atau Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) dengan sekurang-kurangnya 2B dan 2C atau Sijil Tinggi Agama (STAM) dengan kelulusan yang setara dengan STPM</p> <p>b. Peringkat Diploma Sekurang-kurangnya berkelulusan: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya mendapat 2A, 3B dan 2C.</p> <p>c. Peringkat Sijil Kemahiran Sekurang-kurangnya berkelulusan: (i) Sedang/telah mengikuti kursus tahap 2 bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) atau (ii) Lulus SPM bagi pemohon Sijil Kemahiran yang lain.</p> <p>2. Bidang pengajian</p> <p>a. Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dalam semua bidang pengajian (diiktiraf oleh MQA).</p> <p>b. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) atau Sijil Kemahiran lain yang diiktiraf oleh badan Kerajaan yang berkenaan.</p> <p>3. Syarat am</p> <p>a. Umur tidak kurang dari 18 tahun semasa membuat permohonan PPBU dan tidak melebihi 30 tahun semasa tamat pengajian.</p> <p>b. Pelajar tahun pertama pengajian.</p> <p>c. Dua orang penjamin.</p>